

## MOSTI tubuh MNIG untuk tembusi pasaran antarabangsa

Noor Atiqah Sulaiman - April 12, 2022 @ 6:25pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Adham Baba (dua, kanan) ketika mempengerusikan Sesi Libat Urus Industri Nano Tempatan di kementerianya hari ini. - Foto BERNAMA

PUTRAJAYA: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan menubuhkan Kumpulan Industri Nanoteknologi Malaysia atau Malaysian Nanotechnology Industrial Group (MNIG) secara rasmi pada suku ketiga tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata penubuhan MNIG itu dilakukan berikutan ketiadaan persatuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) nanoteknologi yang dipacu oleh pihak industri di negara ini.

Katanya, MNIG akan berperanan sebagai platform untuk bekerjasama yang lebih erat antara syarikat nanoteknologi, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta membantu penyelarasan antara syarikat dalam rantaian bekalan produk teknologinano.

"Proses penubuhan ini akan mengambil kira cadangan dan keperluan industri, termasuk mendapatkan pandangan daripada persatuan. Nama rasmi bagi MNIG akan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Penaja yang akan diadakan pada Jun 2022.

"Selepas MNIG ini ditubuhkan, ia juga akan menjadi ahli dalam Jawatankuasa Penyelarasan Nanoteknologi Negara sebagai wakil industri nano tempatan sekaligus mendapatkan input daripada pihak persatuan.

"Penubuhan MNIG ini bakal merealisasikan hasrat negara untuk menjadi pemain industri nano di peringkat serantau yang dianjurkan oleh Pasaran Asia Pasifik iaitu USD 2.671 trillion pada tahun 2025," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan Sesi Libat Urus Industri Nano Tempatan bersama 30 wakil industri nanoteknologi di Malaysia.

Adham berkata sesi libat urus berkenaan adalah langkah segera MOSTI dalam menyambut baik sokongan yang diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob terhadap potensi bidang nanoteknologi ketika beliau mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sains Negara pada 8 April lalu.

"Ekosistem inovasi nanoteknologi tidak akan maju tanpa pembabitkan sektor swasta dan industri terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang mempelopori industri nanoteknologi di Malaysia.

"Sumbangan PKS dalam industri nanoteknologi berpotensi tinggi kepada ekonomi negara serta memberikan banyak faedah sosio-ekonomi kepada Keluarga Malaysia iaitu sebanyak 33,391 peluang pekerjaan selain menyumbang RM151.5 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Kini, produk nano di pasaran Malaysia sudah merekodkan melebihi 900 produk yang bernilai RM381.8 juta sehingga tahun 2020. Justeru itu, sesi libat urus yang membabitkan pemain industri nanoteknologi di Malaysia pada hari ini bertujuan untuk perkongsian dasar, pelan dan aktiviti industri nanoteknologi negara," katanya.

Mengenai sesi libat urus berkenaan, Adham memaklumkan terdapat beberapa perkara dibangkitkan oleh pihak industri antaranya mengenai kekurangan kesedaran masyarakat untuk kegunaan produk nano dan teknologinya.

"Ini kerana kebanyakan produk nano yang dibangunkan di negara ini untuk dieksport, jadi kita akan mulakan gerakan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya produk nano.

"Antara produk nano yang popular di negara kita adalah teknologi graphene yang digunakan dalam sektor kenderaan elektrik (bateri) serta minyak pelincir," katanya.